

inovasi

Jaket MRV pelbagai fungsi

➔ Ciptaan mampu bantu mangsa saat kecemasan

Oleh Esnita Sonie
bhvarsiti@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Bantuan segera adalah perlu bagi menyelamatkan mangsa yang mengalami kecederaan sama ada akibat kemalangan mahupun bencana alam.

Kegagalan memberi bantuan awal boleh menyebabkan mangsa meninggal dunia kerana terpaksa menunggu terlalu lama bagi mendapatkan rawatan.

Justeru, penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) yang diketuai Dr Mohd Shahrizal Dolah tertarik mencipta inovasi jaket keselamatan yang mampu membantu mangsa pada saat kecemasan.

Mesra pengguna

Inovasi dinamakan Medical Rescue Vest (MRV) itu dibangunkan dengan menggabungkan tiga fungsi utama yang bertindak sebagai tandu, pelampung dan disertakan dengan alat pertolongan cemas.

Dr Mohd Shahrizal berkata,

inovasi jaket keselamatan yang dapat berfungsi tiga dalam satu itu mampu membantu mangsa bencana dan kemalangan seperti banjir dan pendaki yang cedera ketika aktiviti mendaki.

Tandu atau pengusung berfungsi membawa mangsa ke tempat yang lebih selamat, manakala pelampung dapat mengapungkan mangsa di permukaan air dan alat pertolongan cemas dapat memberikan bantuan kecemasan sementara menunggu bantuan tiba.

Bahan berkualiti

Inovasi jaket keselamatan mesra pengguna ini khususnya bagi mangsa banjir dan pendaki mempunyai reka bentuk yang tersendiri.

Ia membabitkan ruang asas pertolongan cemas yang terdapat pada kiri dan kanan MRV, pelampung keselamatan di bahagian kolar jaket dan tandu di bahagian belakang yang boleh dilipat dan kemudiannya disimpan.

Idea menghasilkan MRV tercetus apabila terdapat segelintir daripada penyelamat yang hanya memberi bantuan tanpa mengetahui atau membaca panduan yang ada.

Selain bencana alam, terdapat banyak kes pendaki yang mengalami kecederaan terkandas di bukit atau gunung apabila tidak dapat dibawa turun kerana ketiadaan tandu hingga menye-

babkan mereka berdepan risiko kehilangan nyawa.

MRV diperbuat daripada bahan yang berkualiti iaitu fabrik vinil dan nilon agar tahan dalam pelbagai keadaan cuaca sama ada di dalam air mahupun di darat manakala pelampung diperbuat daripada bahan Ethylene Vinyl Acetate (EVA).

Proses reka bentuk terbahagi kepada dua yang mengambil masa selama setahun iaitu enam bulan untuk menjalankan kajian lapangan dan enam bulan berikutnya untuk melakukan kerja reka bentuk yang bermula dari lakaran idea, perkembangan idea dan seterusnya penghantaran kertas cadangan.



Dr Mohd Shahrizal bergambar bersama produk inovasi MRV di Expo Teknologi Malaysia 2018.



Dr. Mohd Shahrizal memberi penerangan mengenai jaket MRV.